

## **D.R. 1/2011**

### **RANG UNDANG-UNDANG VETERAN 2011**

---

#### **SUSUNAN FASAL**

---

##### **BAHAGIAN I**

###### **PERMULAAN**

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

##### **BAHAGIAN II**

###### **PENUBUHAN DAN FUNGSI MAJLIS VETERAN KEBANGSAAN**

3. Majlis Veteran Kebangsaan
4. Fungsi Majlis
5. Elaun
6. Majlis dibantu oleh Jabatan

##### **BAHAGIAN III**

###### **PENDAFTARAN VETERAN**

7. Pendaftar
8. Daftar veteran
9. Permohonan untuk pendaftaran
10. Kuasa Pendaftar untuk menghendaki pemohon memberikan dokumen atau maklumat tambahan
11. Pendaftaran atau penolakan untuk mendaftar
12. Pengeluaran Kad Veteran

*Rang Undang-Undang***BAHAGIAN IV****PENDAFTARAN DAN PENYELIAAN PERSATUAN VETERAN**

Fasal

13. Permohonan untuk didaftarkan bagi menjalankan aktiviti veteran
14. Pendaftaran persatuan veteran
15. Daftar persatuan veteran
16. Perakuan pendaftaran
17. Persatuan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966
18. Pembatalan atau penggantungan pendaftaran oleh Pendaftar
19. Rayuan
20. Arahan untuk meneruskan fungsi persatuan
21. Tatacara dalaman bagi menyelesaikan pertikaian
22. Rujukan pertikaian kepada Menteri
23. Kesan penolakan, pembatalan atau penggantungan pendaftaran

**BAHAGIAN V****AM**

24. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

**JADUAL**

## RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk menubuhkan Majlis Veteran Kebangsaan, untuk membuat peruntukan bagi pendaftaran veteran dan persatuan veteran, dan untuk membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Veteran 2011.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

#### **Tafsiran**

**2.** Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aktiviti veteran” termasuklah aktiviti yang berikut:

- (a) menganjurkan apa-apa program kebijakan dan sosioekonomi bagi veteran dan tanggungannya;
- (b) menganjurkan apa-apa kempen berhubung dengan kepentingan veteran dan tanggungannya;

- (c) mendapatkan dana, derma atau sumbangan kewangan bagi kebajikan veteran atau ahli mana-mana persatuan veteran;
- (d) menganjurkan apa-apa program penghargaan dan pengiktirafan bagi veteran;
- (e) menganjurkan atau menggalakkan apa-apa program kesedaran bagi kepentingan dan faedah veteran; dan
- (f) menyertai persidangan, mesyuarat, perjumpaan atau program berhubung dengan veteran yang diadakan di Malaysia atau di tempat lain;

“Jabatan” ertiaya Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia;

“Majlis” ertiaya Majlis Veteran Kebangsaan;

“Menteri” ertiaya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pertahanan;

“Pendaftar” ertiaya Pendaftar yang dilantik di bawah seksyen 7;

“persatuan” ertiaya mana-mana organisasi, pertubuhan, persatuan, kelab atau badan yang keahliannya terdiri daripada sekurang-kurangnya lima puluh peratus dari kalangan bekas anggota Angkatan Tentera Malaysia atau Angkatan Tentera Komanwel yang pernah berkhidmat di Malaysia;

“persatuan veteran” ertiaya apa-apa persatuan yang didaftarkan di bawah Akta ini;

“veteran” ertiaya warganegara Malaysia yang telah berkhidmat sepuh masa dan tidak pernah dibersaraskan atau diberhentikan daripada perkhidmatan atas alasan salah laku dalam mana-mana Angkatan yang berikut:

- (a) angkatan tetap Angkatan Tentera Malaysia;
- (b) angkatan sukarela yang dikerah sepuh masa oleh Angkatan Tentera Malaysia tanpa mengira tempoh perkhidmatan;
- (c) Force 136;
- (d) Tentera British yang telah berkhidmat di Malaya, Malaysia atau Singapura; dan
- (e) Sarawak Rangers.

## BAHAGIAN II

### PENUBUHAN DAN FUNGSI MAJLIS VETERAN KEBANGSAAN

#### **Majlis Veteran Kebangsaan**

**3.** (1) Suatu badan yang dikenali sebagai Majlis Veteran Kebangsaan hendaklah ditubuhkan bagi maksud Akta ini.

(2) Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Menteri yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan yang hendaklah menjadi Timbalan Pengerusi;
- (c) Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia yang hendaklah menjadi Setiausaha;
- (d) Assisten Ketua Staf (Perkhidmatan Anggota) Markas Angkatan Tentera Malaysia; dan
- (e) tidak lebih daripada lima orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan atau kepakaran dalam perkara yang berhubungan dengan hal ehwal veteran yang hendaklah dilantik oleh Menteri.

(3) Seorang anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan (2)(e) hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan layak untuk dilantik semula bagi tempoh yang tidak melebihi dua penggal berturut-turut.

#### **Fungsi Majlis**

**4.** (1) Fungsi Majlis adalah seperti yang berikut:

- (a) merumuskan dasar utama dan pelan tindakan yang berhubungan dengan hal ehwal veteran;
- (b) menyelia pelaksanaan dasar dan pelan tindakan yang berhubungan dengan hal ehwal veteran;
- (c) menyelaraskan dan memantau pelaksanaan dasar dan pelan tindakan yang berhubungan dengan veteran dengan kementerian, agensi, badan atau organisasi kerajaan yang berkaitan dan sektor swasta;

- (d) menasihatkan dan membuat syor mengenai pembuatan mana-mana perundangan atau pindaan mana-mana perundangan sedia ada supaya dapat menjamin kebajikan dan kepentingan veteran;
- (e) menasihatkan Kerajaan mengenai isu hal ehwal veteran termasuklah perkembangan di peringkat antarabangsa;
- (f) menjadi badan pemantau bagi semua persatuan veteran di Malaysia; dan
- (g) melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri bagi pelaksanaan Akta ini dengan sewajarnya.

(2) Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan semua perkara yang suai manfaat atau semunasabahnya perlu bagi, atau berkaitan dengan, pelaksanaan fungsinya.

(3) Majlis hendaklah mengawal selia prosidingnya sendiri.

### **Elaun**

**5.** Anggota Majlis yang dilantik dalam subseksyen 3(2) boleh dibayar apa-apa elauan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

### **Majlis dibantu oleh Jabatan**

**6.** Majlis hendaklah dibantu oleh Jabatan dalam melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini.

## BAHAGIAN III

### PENDAFTARAN VETERAN

### **Pendaftar**

**7.** Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia hendaklah menjadi Pendaftar.

### **Daftar veteran**

**8.** (1) Pendaftar hendaklah menyimpan dan menyenggarakan atau menyebabkan supaya disimpan dan disenggarakan suatu daftar veteran mengikut cara dan bentuk yang ditetapkan.

(2) Apa-apa daftar veteran yang disimpan dan disenggarakan oleh Kementerian Pertahanan dan Jabatan sebelum sahaja Akta ini mula berkuat kuasa hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, disifatkan sebagai daftar yang disimpan dan disenggarakan di bawah subseksyen (1) dan hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada daftar veteran sedemikian.

**Permohonan untuk pendaftaran**

**9.** (1) Sesuatu permohonan untuk pendaftaran sebagai seorang veteran hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pendaftar.

(2) Tiap-tiap permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen atau maklumat yang ditetapkan.

**Kuasa Pendaftar untuk menghendaki pemohon memberikan dokumen atau maklumat tambahan**

**10.** (1) Pendaftar boleh, berhubung dengan mana-mana permohonan yang dibuat di bawah seksyen 9, menghendaki pemohon itu memberikan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan dalam masa yang dinyatakan oleh Pendaftar.

(2) Jika pemohon itu tidak memberikan dokumen atau maklumat tambahan yang dikehendaki oleh Pendaftar di bawah subseksyen (1) dalam masa yang dinyatakan atau apa-apa masa lanjutan yang dinyatakan oleh Pendaftar, permohonan itu disifatkan telah ditarik balik dan tiada tindakan boleh diambil terhadapnya oleh Pendaftar, tetapi tanpa menjaskan suatu permohonan baru dibuat oleh pemohon.

**Pendaftaran atau penolakan untuk mendaftar**

**11.** (1) Selepas menimbangkan sesuatu permohonan di bawah seksyen 9 dan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang telah diberikan di bawah seksyen 10, Pendaftar boleh meluluskan atau menolak permohonan itu.

(2) Jika permohonan itu diluluskan, Pendaftar hendaklah mendaftarkan pemohon itu dengan memasukkan butir-butir pemohon dalam daftar veteran yang disebut dalam seksyen 8.

(3) Jika permohonan itu ditolak, pemohon itu boleh membuat rayuan kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

(4) Walau apa pun subseksyen (1), dan seksyen 9 dan 10, mana-mana orang yang sebelum sahaja Akta ini mula berkuat kuasa telah didaftarkan sebagai seorang veteran dengan Jabatan Arah Rekod dan Pencen Markas Angkatan Tentera Malaysia hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, disifatkan sebagai seorang veteran yang telah didaftarkan di bawah Akta ini.

### **Pengeluaran Kad Veteran**

**12.** (1) Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu Kad Veteran kepada orang yang telah berdaftar sebagai seorang veteran di bawah seksyen 11.

(2) Kad Veteran yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah menjadi keterangan konklusif bagi semua maksud bahawa orang itu telah didaftarkan dengan sewajarnya sebagai seorang veteran di bawah Akta ini.

(3) Mana-mana orang yang kepadanya suatu Kad Bekas Tentera telah dikeluarkan oleh Jabatan Arah Rekod dan Pencen Markas Angkatan Tentera Malaysia sebelum sahaja Akta ini mula berkuat kuasa dan disifatkan sebagai seorang veteran di bawah subseksyen 11(4) hendaklah dikeluarkan suatu Kad Veteran di bawah Akta ini.

## BAHAGIAN IV

### PENDAFTARAN DAN PENYELIAAN PERSATUAN VETERAN

#### **Permohonan untuk didaftarkan bagi menjalankan aktiviti veteran**

**13.** (1) Tiada persatuan boleh menjalankan apa-apa aktiviti veteran melainkan jika persatuan itu didaftarkan sebagai suatu persatuan veteran di bawah Akta ini.

(2) Sesuatu persatuan yang berniat untuk menjalankan apa-apa aktiviti veteran hendaklah memohon kepada Pendaftar untuk pendaftaran di bawah Akta ini mengikut cara dan bentuk yang ditetapkan.

(3) Pendaftar boleh menghendaki pemohon untuk memberikan apa-apa dokumen atau maklumat yang ditetapkan.

**Pendaftaran persatuan veteran**

**14.** (1) Selepas menimbangkan permohonan daripada suatu persatuan di bawah seksyen 13, Pendaftar boleh meluluskan atau menolak permohonan untuk pendaftaran.

(2) Tanpa menjaskan keluasan subseksyen (1), jika Pendaftar berpuas hati bahawa persatuan itu ialah suatu organisasi bukan politik bagi pemajuan kebajikan veteran dan bahawa perlembagaan persatuan itu mengandungi peruntukan bagi perkara yang telah diuraikan dalam Jadual, Pendaftar hendaklah meluluskan pendaftaran persatuan itu sebagai suatu persatuan veteran di bawah Akta ini.

**Daftar persatuan veteran**

**15.** (1) Jika permohonan untuk pendaftaran diluluskan oleh Pendaftar, dia hendaklah mendaftarkan persatuan itu sebagai suatu persatuan veteran dalam daftar persatuan veteran yang disimpan dan disenggarakan oleh Pendaftar mengikut cara dan bentuk yang ditetapkan.

(2) Pendaftar boleh mengenakan apa-apa syarat, termasuk pembayaran apa-apa fi, yang difikirkannya sesuai ke atas persatuan veteran berdaftar itu.

(3) Suatu persatuan veteran yang berdaftar di bawah Akta ini hendaklah, jika perlembagaannya tidak mengandungi perkara seperti yang diuraikan dalam Jadual, meminda perlembagaannya dalam tempoh dua puluh satu hari selepas pendaftarannya untuk memasukkan perkara sedemikian.

**Perakuan pendaftaran**

**16.** (1) Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran kepada persatuan veteran yang didaftarkan di bawah seksyen 15 dalam bentuk yang ditetapkan.

(2) Suatu perakuan pendaftaran, melainkan jika dibuktikan telah dibatalkan kemudiannya, hendaklah menjadi keterangan konklusif bagi semua maksud bahawa persatuan itu telah didaftarkan dengan sewajarnya oleh Pendaftar sebagai suatu persatuan veteran di bawah Akta ini.

**Persatuan berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966**

**17.** Mana-mana persatuan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] pada tarikh Akta ini mula berkuat kuasa hendaklah terhenti daripada didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan hendaklah dalam tempoh tiga bulan selepas itu memohon kepada Pendaftar untuk didaftarkan di bawah Akta ini sebagai suatu persatuan veteran untuk menjalankan apa-apa aktiviti veteran; dan persatuan itu hendaklah terus menjalankan operasi sebagai suatu persatuan sehinggalah diberitahu sebaliknya oleh Pendaftar.

**Pembatalan atau penggantungan pendaftaran oleh Pendaftar**

**18.** (1) Pendaftar boleh membatalkan atau menggantung pendaftaran suatu persatuan veteran jika Pendaftar berpuas hati bahawa persatuan veteran itu—

- (a) telah didaftarkan akibat daripada suatu fraud, kesilapan atau salah nyataan;
- (b) tidak mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Pendaftar di bawah seksyen 15;
- (c) telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (d) tidak aktif atau bukan lagi suatu entiti yang sesuai dan layak untuk didaftarkan bagi mewakili veteran di Malaysia atau di tempat lain;
- (e) menghalang pemajuan veteran dan pembatalan atau penggantungan pendaftarannya adalah demi kepentingan awam;
- (f) tidak atau abai untuk meremedikan apa-apa amalan salah, salah laku atau ketidakteraturan di pihak pemegang jawatan atau ahlinya dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis yang diberikan oleh Pendaftar; atau
- (g) tidak aktif, tidak bekerjasama atau menjadi penghalang dalam pelaksanaan peraturan-peraturan, dasar atau garis panduan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Sebelum membatalkan atau menggantung pendaftaran suatu persatuan veteran di bawah subseksyen (1), Pendaftar hendaklah memberi peluang kepada persatuan itu untuk mengemukakan alasan, jika ada, menentang pembatalan atau penggantungan yang dicadangkan itu.

**Rayuan**

**19.** (1) Mana-mana persatuan yang terkilan dengan keputusan Pendaftar—

- (a) menolak untuk mendaftarkan persatuan itu;
- (b) mengenakan syarat ke atas pendaftaran persatuan itu; atau
- (c) membatalkan atau menggantung pendaftaran persatuan itu,

boleh, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pemberitahuan keputusan Pendaftar, merayu kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

(2) Sebelum membuat apa-apa keputusan di bawah subseksyen (1), Menteri boleh merujuk perkara itu kepada Majlis untuk mendapatkan nasihatnya.

**Arahan untuk meneruskan fungsi persatuan**

**20.** Menteri boleh, sebelum membuat keputusan mengenai suatu rayuan di bawah seksyen 19, memberikan apa-apa arahan untuk membolehkan persatuan itu meneruskan fungsinya dan boleh melantik suatu jawatankuasa *ad hoc* untuk menguruskan hal ehwal persatuan itu selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan.

**Tatacara dalaman bagi menyelesaikan pertikaian**

**21.** Tiap-tiap persatuan veteran hendaklah menyelesaikan apa-apa pertikaian yang berbangkit di kalangan ahli atau jawatankuasa atau badan pengelolanya mengikut tatacara dalaman yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan.

**Rujukan pertikaian kepada Menteri**

**22.** (1) Jika suatu pertikaian tidak boleh diselesaikan mengikut tatacara dalaman yang disebut dalam seksyen 21, mana-mana ahli yang terkilan atau persatuan veteran itu sendiri boleh merujuk pertikaian itu kepada Menteri untuk penyelesaian.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Menteri boleh, atas nasihat Pendaftar atau pada bila-bila masa difikirkannya perlu dan suai manfaat, menghendaki mana-mana persatuan veteran untuk merujuk apa-apa pertikaian kepadanya untuk penyelesaian.

(3) Keputusan Menteri di bawah seksyen ini adalah muktamad; tetapi Menteri boleh meminta nasihat daripada Majlis atau mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Menteri untuk tujuan itu sebelum membuat keputusannya.

### **Kesan penolakan, pembatalan atau penggantungan pendaftaran**

**23.** Apabila Pendaftar menolak untuk mendaftarkan mana-mana persatuan di bawah seksyen 17 atau apabila pembatalan atau penggantungan pendaftaran mana-mana persatuan veteran di bawah Akta ini, peruntukan yang berikut hendaklah terpakai:

- (a) persatuan itu tidak boleh menganjurkan, menjalankan, membenarkan atau menyertai mana-mana aktiviti veteran atau apa-apa acara atau forum yang berhubungan dengan hal ehwal veteran sama ada di dalam atau di luar Malaysia; dan
- (b) persatuan itu tidak boleh menerima atau terus menerima pembiayaan bagi apa-apa aktiviti veteran atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan kepentingan, hal ehwal atau kebijakan veteran daripada Kerajaan atau mana-mana badan berkanun.

### **BAHAGIAN V**

#### **AM**

### **Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan**

**24.** (1) Menteri boleh, selepas rundingan dengan Majlis, membuat apa-apa peraturan-peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan maksud Akta ini.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan itu boleh menetapkan mana-mana atau semua yang berikut:

- (a) kewajipan Pendaftar;
- (b) bentuk dan kandungan daftar veteran dan daftar persatuan veteran dan cara dan bentuk daftar itu hendaklah disimpan;

- (c) cara dan borang apabila suatu permohonan untuk pendaftaran hendaklah dibuat;
- (d) bentuk apa-apa perakuan atau dokumen lain yang dikehendaki di bawah Akta ini;
- (e) tatacara dalaman yang hendak diikuti berhubung dengan penyelesaian pertikaian yang diadakan di bawah Akta ini;
- (f) tatacara yang hendak diikuti berhubung dengan rayuan oleh mana-mana persatuan;
- (g) apa-apa perkara yang berkaitan dengan peruntukan bantuan kebajikan dan perubatan kepada veteran; dan
- (h) apa-apa perkara lain yang dikehendaki oleh Akta ini supaya ditetapkan atau yang perlu atau suai manfaat untuk ditetapkan bagi melaksanakan Akta ini.

#### JADUAL

[Seksyen 14]

#### PERLEMBAGAAN PERSATUAN VETERAN

Perkara yang berikut hendaklah diperuntukkan dalam perlembagaan sesuatu persatuan veteran:

1. Persatuan hendaklah mempunyai matlamat dan tujuan yang berikut:
  - (a) untuk pemajuan kebajikan veteran;
  - (b) untuk mengekalkan hubungan dan kedudukan yang baik dengan Jabatan;
  - (c) untuk memastikan bahawa perlembagaannya dipatuhi dan diikuti oleh semua anggotanya; dan
  - (d) untuk mengawal dan menjalankan bidang kuasa ke atas semua aktiviti berhubung dengan hal ehwal veteran.
2. Aktivitinya dijalankan tanpa diskriminasi tentang jantina, bangsa, agama, asal usul, bahasa, kecenderungan politik atau apa-apa pandangan lain yang dipegang oleh anggotanya.
3. Tatacara pemilihan bagi ahli jawatankuasa dalam persatuannya itu adalah terbuka dan adil.
4. Akaun terauditnya dengan laporan tentang semua aktiviti dan penggunaan dan perbelanjaan semua wangnya bagi tahun kewangan yang sebelumnya hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar berserta dengan apa-apa laporan lain yang kehendaki oleh Pendaftar.

**HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Veteran Kebangsaan, untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran veteran dan persatuan veteran dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

2. Bahagian I memperkatakan perkara permulaan.

*Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

*Fasal 2* mengandungi takrif istilah tertentu yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

3. Bahagian II mengandungi peruntukan mengenai penubuhan Majlis Veteran Kebangsaan.

*Fasal 3* mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis manakala *fasal 4* memperkatakan fungsinya.

*Fasal 5* mengadakan peruntukan bagi pembayaran elaun kepada anggota Majlis sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

*Fasal 6* memperuntukkan bahawa Majlis hendaklah dibantu oleh Jabatan dalam pelaksanaan fungsinya dan penjalanan kuasanya.

4. Bahagian III mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pendaftaran veteran.

*Fasal 7* mengadakan peruntukan bagi pelantikan Pendaftar.

*Fasal 8* mengadakan peruntukan bagi penyimpanan dan penyenggaraan daftar veteran.

*Fasal 9* memperkatakan permohonan untuk pendaftaran.

*Fasal 10* memberi Pendaftar kuasa untuk meminta dokumen atau maklumat tambahan daripada seorang pemohon.

*Fasal 11* memberi Pendaftar kuasa untuk meluluskan atau menolak untuk meluluskan permohonan bagi pendaftaran seorang pemohon.

*Fasal 12* memperkatakan pengeluaran Kad Veteran kepada seorang veteran berdaftar.

5. Bahagian IV mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pendaftaran dan penyeliaan persatuan veteran.

*Fasal 13* memperkatakan permohonan untuk pendaftaran persatuan veteran. Tiada persatuan boleh menjalankan apa-apa aktiviti veteran melainkan jika persatuan itu telah didaftarkan sebagai suatu persatuan veteran di bawah Akta ini.

*Fasal 14* memberi Pendaftar kuasa untuk meluluskan atau menolak untuk meluluskan permohonan bagi pendaftaran oleh pemohon sebagai suatu persatuan veteran.

*Fasal 15* mengadakan peruntukan bagi penyimpanan dan penyenggaraan daftar persatuan veteran.

*Fasal 16* memperkatakan pengeluaran perakuan pendaftaran kepada persatuan veteran.

*Fasal 17* memperkatakan mana-mana persatuan yang menjalankan aktiviti veteran yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966. Persatuan itu hendaklah terhenti daripada didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan hendaklah didaftarkan di bawah Akta ini.

*Fasal 18* menghuraikan keadaan yang Pendaftar boleh membatalkan atau mengantung mana-mana persatuan veteran berdaftar.

*Fasal 19* memperkatakan rayuan kepada Menteri oleh sesuatu persatuan yang terkilan dengan keputusan Pendaftar.

*Fasal 20* bertujuan untuk membolehkan Menteri mengeluarkan arahan bagi penerusan fungsi sesuatu persatuan dalam hal jika suatu rayuan oleh persatuan itu masih belum selesai.

*Fasal 21* mensyaratkan bahawa suatu persatuan veteran mesti menyelesaikan pertikaianya mengikut tatacara dalaman yang ditetapkan.

*Fasal 22* memperkatakan rujukan pertikaian kepada Menteri.

*Fasal 23* memperkatakan kesan penolakan pendaftaran dan pembatalan atau pengantungan pendaftaran.

6. Bahagian V mengandungi peruntukan am.

*Fasal 24* memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

#### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U<sup>2</sup>)2726]